

1.4 juta penjawat awam naik gaji

Oleh ZULKIFLI MANZOR
zulkfli.manzor@kosmo.com.my
Kosmo 9-3-2012 m.s. 4

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pelarasan gaji tujuh hingga 13 peratus bagi sektor awam serta pembatalan struktur skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang mencetuskan kontroversi.

Keputusan itu dibuat selepas beliau meneliti cadangan yang dikemukakan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) serta implikasi kewangan.

"Pelaksanaan skim SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari lalu dibatalkan dan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang akan ditambah baik. Ekoran pembatalan SBPA maka pelarasan gaji penjawat awam yang diumumkan itu akan dibuat berdasarkan Jadual Gaji Matriks SSM," katanya.

Beliau mengumumkan perkara tersebut semasa berucap pada majlis perjumpaan khas bersama lebih 15,000 penjawat awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini semalam.

Najib berkata, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana di Gred 1 hingga Gred 54 akan menikmati pelarasan gaji sebanyak 13 peratus manakala Gred Utama dan Gred Khas C, B serta A mendapat pelarasan gaji sebanyak sembilan peratus.

Katanya, kerajaan turut mem-



NAJIB berucap di hadapan penjawat awam di PICC, Putrajaya semalam.

buat pelarasan gaji sebanyak lapan peratus untuk Turus II dan III serta pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus untuk Turus I dan Ketua Setiausaha Negara.

Selain itu, beliau mengumumkan kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup bagi Kawasan B daripada RM200 kepada RM250 sebulan dan kenaikan daripada RM100 kepada RM150 sebulan bagi Kawasan C.

Najib turut mengumumkan penubuhan sebuah suruhanjaya khas untuk mengkaji secara komprehensif sistem persaraan dan bentuk perkhidmatan awam yang diperlukan pada masa depan.

Jelasnya, keputusan terbabit diharapkan dapat meredakan ketidakpuasan hati yang wujud dalam kalangan penjawat awam berhubung isu saraan mereka sebelum ini.

INFO Kadar Bantuan Sara Hidup Mengikut Kawasan

■ KAWASAN A (kekal RM300)

- Pulau Pinang
- Selangor
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Wilayah Persekutuan Putrajaya
- Johor Selatan (Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulajaya dan Pontian)

■ KAWASAN B (naik daripada RM200 kepada RM250)

- Melaka
- Negeri Sembilan
- Perak
- Pahang
- Terengganu
- Johor Utara (Kluang, Batu Pahat, Mersing, Muar, Ledang dan Segamat)

■ KAWASAN C (naik daripada RM100 kepada RM150)

- Kedah
- Kelantan
- Perlis

Sumber: <http://www.ppkkm.com>

INFO Pemansuhan SBPA

■ Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dibatal dan mengekalkan Skim Saraan Malaysia (SSM) yang ditambah baik.

■ Penubuhan sebuah suruhanjaya untuk mengkaji secara komprehensif sistem saraan bagi penjawat awam pada masa depan.

■ Pelarasan gaji sebanyak 13 peratus bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dari Gred 1 hingga Gred 54 iaitu bagi Kumpulan Gred Utama C, B, A (sembilan peratus), Gred Turus 3 dan 2 (lapan peratus) dan Gred Turus Satu dan Ketua Setiausaha Negara (tujuh peratus).

■ Jadual gaji matriks diubah suai kepada gaji minimum-maksimum dengan kadar kenaikan RM80-RM320 bagi Gred 1-54 manakala gred bagi Jawatan Utama Sektor Awam kekal mengikut kenaikan tahunan SSM.

■ Elaun Bantuan Sara Hidup dinaikkan kepada RM250 sebulan daripada RM200 bagi Kawasan B manakala bagi Kawasan C dinaikkan kepada RM150 daripada RM100.

■ Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Bayaran Insentif Wilayah, Bayaran Insentif Pedalaman dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan dikekalkan pelaksanaannya mengikut peraturan sedia ada di bawah SSM.

■ Keputusan penambahbaikan laluan kerja berasaskan prinsip **time-based** Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012 dikekalkan.

Angkat imej perkhidmatan awam

Hakikatnya perkhidmatan awam yang ramai anggotanya amat eksklusif sehinggakan martabatnya perlu dipelihara.

TENGAH hari selepas pembatalan skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) diumumkan Khamis lalu, saya berkesempatan bersembang dengan tiga orang penjawat awam. Riak wajah mereka ceria. Rancak bertukar cerita sesekali disulami gurauan. Kata mereka, peniaga tentunya kumpulan paling gembira. Naik gaji maknanya ada peluang naikan harga barang. Naik gaji ertinya kuasa membeli kalangan 1.4 juta penjawat awam bertambah. Luahan kata hati mereka seolah-olah memberi gambaran bahawa kenaikan 13 peratus itu adalah milik peniaga di luar sana. Di akhir perbualan, kami menyimpulkan tajuk perbualan - SBPA, baru bermula sudah berakhir.

SBPA memang sempat bermula. Perjalanan pelaksanaannya amat pantas. Akhir Januari lalu, kumpulan yang memilih SBPA telah pun dibayar gaji baru. Ketika Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) membuat bantahan, sebahagian peruntukan kewangan telah pun berlegar kepada para penerimanya. Apabila SBPA dibatalkan, tentunya timbul persoalan perlukah ia dikembalikan. Penerima premier berjanji untuk memulangkan hak sementara itu. Khabarnya mereka sendiri terkejut melihat perubahan gaji yang amat ketara jumlahnya itu dan tidak keberatan mengembalikannya kepada kerajaan lantaran memahami kedudukan kewangan negara.

Keterujaan lebih 1.4 juta kakitangan awam berkisar kepada soal imbuhan. SBPA disanggah kerana kenaikan gaji yang amat

**NORAINI
ABD. RAZAK**
noraini.razak
@utusan.com.my



tidak setara sehingga mewujudkan senario dua darjat antara kumpulan sokongan dengan pengurusan terutamanya Jawatan Utama Sektor Awam dan Turus.

Saya pernah mengajukan perihal perkembangan perkhidmatan awam kepada bekas Ketua Setiausaha Negara, Tun Ahmad Sarji. Biar pun tajuk temuramah ketika itu tertumpu kepada siri syarahan perdana Allahyarham Tan Sri Ahmad Ibrahim, soal peningkatan kualiti perkhidmatan awam tidak dilepaskan begitu sahaja.

Berulang kali Ahmad Sarji menekankan tentang kualiti penjawat awam yang menjadi penentu mutu perkhidmatan kepada rakyat dan negara. Beliau bercakap soal ketegasan dan rasa hormat terhadap perkhidmatan awam yang perlu dipelihara. Sebolehnya jangan ada ruang untuk kegagalan, pada masa yang sama laluan terhadap penambahbaikan mesti sentiasa terbuka.

Perkhidmatan awam bukan semata-mata gaji dan imbuhan. Komitmen, cekap, ikhlas, jujur umpan warna pelangi yang saling melengkapi. Hilang satu warna bukan pelangi namanya. Jaluran pelangi tidak akan sempurna jika satu warna hilang atau tercicir. Begitu uga



PENGUMUMAN Perdana Menteri mengenai pembatalan skim SBPA merupakan langkah berani beliau yang responsif terhadap suara kakitangan awam.

dalam perkhidmatan awam, apabila ciri-ciri yang menjadi darah daging penjawat awam tercicir maka tanggungjawab tidak akan dapat disempurnakan. Sebab itu apabila bercakap tentang perkhidmatan awam, bukan hanya soal gaji. Bukan berapa peratusan pelarasan, bukan juga siapa dan apa yang mereka peroleh semata-mata. Hakikatnya perkhidmatan awam yang ramai anggotanya amat eksklusif sehinggakan martabatnya perlu dipelihara. Jika ada rungutan atau aduan tentang kecacatan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam maka martabatnya jatuh.

Dalam erti kata lain perkhidmatan awam mesti bernafas seiring dengan arus kemajuan dan pembangunan. Kepesatan negara menuntut pemain-pemain di dalam perkhidmatan awam bergerak pantas, bersifat responsif, peka kepada tuntutan semasa, kreatif, inovatif dan pelbagai lagi. Pembaharuan demi pembaharuan menjadikan sektor awam hidup tanpa ada tarikh luputnya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menekankan tentang peri penting penjawat awam beralih dari tradisi birokrasi. Memperkatakan tentang sektor awam maka istilah paling popular atau sinonim adalah birokrasi dan hierarki yang merimaskan.

Perkara itu pernah diakui bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi dalam kesempatan menemui beliau akhir tahun lepas. Beliau melahirkan rasa pelik tentang birokrasi keterlaluan - sekeping surat pekeliling akan turun naik dari ketua jabatan ke pengarah, ketua pengarah, ketua setiausaha yang kemudiannya turun

semula mengikut carta aliran sebelum boleh dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan.

Prosedur ketat dan lapisan hierarki yang keterlaluan melambatkan proses penyampaian maklumat sehingga tindakan segera tidak dapat dilaksanakan tentunya mematickan keberkesanan penyampaian awam.

Fleksibel

Untuk membolehkan malar segarnya sektor awam sebagaimana pihak korporat dan swasta maka tentunya segala amalan ketat mesti diubah menjadi lebih fleksibel supaya dapat memenuhi tuntutan yang sentiasa berubah terutamanya dalam keadaan di luar jangka. Contoh paling mudah kesesakan jalan raya luar biasa di bandar raya Kuala Lumpur kelmarin. Kejadian itu cukup untuk semua pihak mengukur sejauh mana cekap, responsif dan fleksibelnya perkhidmatan awam di negara ini yang mana kakitangannya baru saja menerima berita gembira 13 peratus pelarasan gaji. Sejauh mana kreatif serta inovatifnya jabatan terlibat dalam menangani kesesakan yang menimbulkan kemarahan orang ramai sehingga ada yang terpaksa mengambil cuti kecemasan. Perkhidmatan awam bukan sekadar melaksanakan kerja-kerja di pejabat. Biar pun perkhidmatan di kaunter awam diakui semakin meningkat namun dalam menangani keadaan di luar jangka yang melibatkan sektor awam, kelemahan masih ketara.

Perubahan sektor awam supaya lebih kreatif, responsif dan pelbagai lagi itu bertujuan mewujudkan sebuah jentera pentadbiran yang lebih kemas dengan saiz

anggota yang sesuai. Jangan pula umpama tikus membaiki labu, apabila perubahan yang dibuat hanya mengisi ruang-ruang yang sebenarnya tidak diperlukan dan akhirnya menambah birokrasi dan hierarki. Dalam sektor awam menuju fleksibiliti, mereka kembali kepada tradisi yang akan membunuh kecekapan sektor awam itu sendiri. Seperkara lagi yang sering menimbulkan rajuk kakitangan awam apabila jawatan baru diwujudkan, yang mengisinya adalah orang luar. Kewujudan kategori premier dalam SBPA amat jelas menjurus ke situ apabila jawatan itu turut dibuka kepada orang luar seolah-olah menafikan kebolehan penjawat awam itu sendiri.

Ingatlah kepada piagam pelanggan yang menghiasi dinding-dinding di jabatan awam. Setiap sen yang diperoleh baik menerusi Sistem Saraan Baru, Sistem Saraan Malaysia mahu pun SBPA yang hanya sebulan usianya perlu berlandaskan mutu perkhidmatan kakitangan awam dalam menyampaikan perkhidmatan masing-masing.

Pembatalan SBPA perlu disusuli dengan penambahbaikan *mindset* penjawat awam sejajar dengan peranan sebenar sektor awam yang hakikatnya sangat penting jika mahu dibandingkan dengan sektor-sektor lain yang agak terhad fungsinya.

Paling penting setiap perubahan yang hendak diperkenalkan mesti benar-benar difahami dan menjalani proses perbincangan berterusan. Sebelum sesuatu dasar dapat dilaksanakan terutama jika melibatkan keseluruhan penjawat awam maka beri penerangan dan buka ruang untuk maklum balas. Jangan nanti terjadi seperti mana pelaksanaan SBPA yang prosesnya berlangsung secara senyap dan sulit tetapi pantas sehingga akhirnya apabila tembelang pecah baunya tidak dapat ditahan. Tentunya ada yang tidak betul dalam perjalanan SBPA sehinggakan bantahan terhadap pelaksanaannya tidak dapat ditahan membawa kepada pembatalan Khamis lalu.

Sememangnya diakui perkhidmatan awam di negara ini sentiasa menjalani proses penambahbaikan. Perjalanan itu tidak sepatutnya berhenti, lantaran masih banyak kelemahan yang perlu diperhalusi dan diperbaiki. Namun perlu diberi perhatian bahawa memperkenalkan pembaharuan bukannya *trial and error*. Kesannya amat besar sehingga mampu membunuh integriti perkhidmatan awam dan tidak mudah dipulihkan dalam masa yang singkat.

Civil service is a calling

WHAT IT TAKES:

Heading the civil service starts with being a worthy leader

LIFE as a civil servant can be both rewarding and daunting. You must have the right attitude to provide efficient service to the public.

This is in addition to servicing the government of the day and ensuring its policies are diligently implemented with no vested interest, especially in financial matters.

A civil servant fully engages with clients. This includes listening to their feedback.

In short, civil service is no less a calling where expectations of reward and recognition — though appropriate — is not the priority.

Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Sidek Hassan conveyed this message at the recent *Majlis Khidmat Bakti* attended by senior civil servants who have just retired. Mohd Sidek also emphasised the need for strict adherence to ethical behaviour as well as sincerity in carrying out duties.

Only then could taxpayers, who expect nothing less, view the civil service with respect.

It calls for a high degree of commitment from everyone because it needs a fully functional ecosystem before its optimal impact can be realised nationwide.

This was echoed by former Director-General of Health Tan Sri Dr Mohd

Ismail Merican in his thank-you speech on behalf of the retired civil servants.

In recounting the ups and downs that most civil servants face, he used the Severe Acute Respiratory Syndrome scare in 2003 as a case in point. A crisis will invariably show the ca-

pability of civil servants, especially those in leadership positions, to search for viable solutions. This is vital. The aim is to avoid creating undue tension among citizens or organisations.

Mohd Ismail reminded the heads of various agencies and institutions to be

mindful of their responsibilities and not let their position cloud their judgement.

Do not allow your egos to prevent you from serving the people under your watch and the public.

Leaders must be a motivational

force, lead by example and be role models. In other words, walk the walk.

Leaders must be comfortable in the company of people. Those in the private sector have other experiences to offer, especially in being inclusive. Those who surround themselves with favourites evade direct communication with their subordinates.

This is not the type of leadership to meet today's challenge of being inclusive, which demands that leaders be confident and willing to make tough decisions and communicate directly with those affected — be it via the mass media or otherwise. The tendency to go into hibernation or adopt a stonewalling attitude is often associated with weak leadership.

Civil servants need to be professional in their dealings (even with political masters) and say what needs to be said and not become "part of the furniture". Many are too eager to be "play safe" leaders of no consequence!

Mohd Ismail also alluded to the fact that while it is good to be technology savvy, it is no substitute for being people savvy because at the end of the day, it is people who matter, and technology is just a means to an end.

Face-to-face (f2f) interaction is superior to sending text messages which is cold and devoid of genuine human feelings — yet another barrier to effective communication.

The event was a night to remember for those who were leaving the civil service, but more so for those who stay on, especially the ones who just came on board.

There is much to learn in taking the civil service to the next level, beginning with being a worthy leader. The starting point is to be humble enough to learn from each other, by suppressing your ego and form a formidable team of civil servants!

Like Mohd Sidek said, civil service is a calling.



Dzulkifli Abdul Razak
The writer is vice chancellor of Albukhary International University. Email him at education@nst.com.my

Mohd Sidek Hassan at the recent Majlis Khidmat Bakti

FOOTBALL / FA CUP

SPA riding crest of a wave

DREAM RUN: Amateurs put Cambodian pros in the shade to make last eight

AJITPAL SINGH

ajitpalsingh@nst.com.my

PUBLIC Service Commission's (SPA) dream FA Cup run continued when they edged Cambodia's Preah Khan Reach (PKR) 1-0 on Saturday to become the first FAM League side to advance to the quarter-finals of the competition.

SPA, an amateur team, turned the tables on PKR, who fielded six Cambodian internationals, with their never-say-die attitude and their persistence paid off in the 52nd minute.

Zulkifli Affendi Zakri picked up a weak clearance in the penalty box before placing the ball past PKR goalkeeper Sar Saphea to record their biggest win and earn a two-leg quarter-final tie (March 24 and 27) against reigning Super League champions Kelantan.

SPA's victory over PKR is their second over a professional side this season. In the first round, SPA thrashed Premier League side Johor Baru City Council 3-0.

It's a feat that as far as coach Mohd Nidzam Jamil is concerned almost

amounted to being "a miracle".

"We're all incredibly delighted especially to continue in the competition and at the same time create history," said Nidzam after the match at the National Stadium in Bukit Jalil.

"We want to enjoy this (win) before thinking about Kelantan. What makes this so special is that we hold daily jobs and only train after work.

"Our priority, however, is to earn Premier League promotion and not the FA Cup but doing well in it is a bonus and added motivation."

Nidzam said the hard work and hours of training is the secret behind the club's Cup run so far.

"PKR are professionals and of course physically and technically they're much better than us. What made the difference for us was simple motivation.

"My players showed character and their willingness to fight for 90 minutes paid dividends.

"Some of my players even suffered cramps in the final minutes of the match but I expected that to happen as we are an amateur side,"

"We want to enjoy this (win) before thinking about Kelantan.

What makes this so special is that we hold daily jobs and only train after work."

Mohd Nidzam Jamil
SPA coach

said Nidzam.

Former M-League players Nurazat Abdul Aziz, Zulkifli Affendi, Sazali Suwandi and Noor Azizi Azman form the core of the SPA side comprising mostly former state President's Cup players. They have been competing in the FAM League since 2010.

On the match against Kelantan, Nidzam said: "It will be my team's biggest match of the season. They are like 'Chelsea' of Malaysian football and we need to be prepared to face them.

"We just want to enjoy our football and, hopefully, my regulars will be fit for this tie," he added.